

Dua sekolah ditutup akibat banjir

SETIU - Dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Besut dan SK Kampung Buloh dekat Bandar Permaisuri di sini terpaksa ditutup sementara akibat banjir yang berlaku sejak malam tadi.

Ini merupakan kali kedua SK Kampung Besut ditutup akibat banjir selepas kejadian pertama semasa penggal persekolahan mula dibuka pada 3 Januari lepas.

Penutupan kedua-dua sekolah terbabit menyebabkan seramai 736 murid diberikan cuti hingga keadaan kembali pulih.

Jurucakap Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Setiu berkata, sekiranya keadaan tidak berubah, sekolah akan terus ditutup dan para pelajar akan menggantikan cuti berkenaan pada Sabtu.

“Pada awal musim baharu persekolahan dua minggu lalu, banjir turut melanda Kampung Pelong dan Kampung Jalan Hulu dekat sini menyebabkan SK Kampung Besut dan Kampung Bukit terpaksa ditutup,” katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, pihaknya sedang meneliti laporan mengenai punca sebenar banjir di kawasan itu sehingga mendorong dua sekolah berkenaan ditutup.



MOHD. FAKRUL AHMAD (kiri) bersama rakannya, **Harda Isfi Asraf Hasan** (kanan) dan **Amsiyar Dania Irami** murid tahun enam mengangkat rak buku yang terbalik kerana ditenggelami air dalam sebuah kelas di SK Kampung Buloh, Setiu semalam.

“Kita mungkin buat lencongan baharu atau tambak jalan berhampiran sekolah tersebut yang sering dilanda banjir. Setakat saya dimaklumkan, ia berpunca dari masalah jalan, bukan sekolah. Jadi, kita kena betulkan keadaan jalan di situ,” katanya.

Sementara itu, seramai 566 mangsa daripada 155 keluarga dari daerah tersebut terpaksa dipindahkan ekoran banjir itu.

Kesemua mangsa banjir yang terlibat ditempatkan di tujuh buah pusat pemindahan di daerah berkenaan iaitu di Balai Raya Kampung Tasek, Masjid Lama Permaisuri dan Balai Raya Hulu Seladang.

Selain itu, Balai Raya Kampung Besut, Surau Pekan Sehari Bandar Permaisuri, SK Kampung Besut dan Surau Kampung Besut turut dijadikan pusat pemindahan.